



Nahwan Nur juara Pertandingan Nasyid IPT 2012



LABUAN, 7 April – Kumpulan nasyid Nahwan Nur, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Pertandingan Nasyid IPT 2012 di Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini.

Presiden Kelab Nasyid Nahwan Nur, Awangku Muhammad Aisamuddin Awang Jidel berkata kumpulan nasyid itu menerima hadiah kejohanan bernilai RM3,000, trofi dan sijil penyertaan selain mendapat dua anugerah sampingan iaitu Anugerah Lagu dan Lirik Terbaik.

Lagu 'Cemerlang Akhlak Sahsiah Terpuji' dan 'Sampai Bila' serta disiplin tinggi membawa kemenangan Nahwan Nur sebanyak 13 kali sejak tahun 2006. Naib johan telah disandang oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan tempat ketiga oleh Universiti Malaya (UM).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia